Wikipedia

Bahasa Kyrgyz

Bahasa Kyrgyz (кыргызча, قىرعىزچا, **'kyrgyzcha'** atau кыргыз тили, قىرعىز تىلى, '**kyrgyz tili**') merupakan suatu bahasa Turkik yang dituturkan oleh kira-kira empat juta penduduk di Kyrgyzstan serta kawasan Asia Tengah, China, Turki dan Rusia.

Bahasa Kyrgyz	
кыргызча **قىرعىزچا** ***qırğızça*** **кыргыз тили** ***qırğız tili***	
Sebutan	*akan ditambah*
Asli di	Kyrgyzstan (rasmi), Afghanistan, Xinjiang (China), Tajikistan, Russia
Etnik	Etnik Kyrgyz
Penutur asli	[1]
Keluarga bahasa	Turkik ▪ Turkik Am ▪ Kipchak ▪ Kyrgyz–Kipchak ▪ **Bahasa Kyrgyz**
Sistem penulisan	Abjad Kyrgyz (Cyril, Arab, asalnya Rumi, Braille Kyrgyz)
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Kyrgyzstan China ▪ Wilayah Autonomi Kyrgyz Kizilsu
Kod bahasa	
ISO 639-1	`ky`
ISO 639-2	`kir`
ISO 639-3	`kir`
Linguasphere	`44-AAB-cd`

Halaman ini mengandungi lambang fonetik IPA dalam bahasa Unikod. Tanpa sokongan paparan, anda mungkin melihat tanda tanya, kotak atau lambang lain dan tidak aksara Unikod

Isi kandungan

Fonologi

Vokal-vokal bahasa Kyrgyz[2]

	Depan		Belakang	
	Tak bundar	**Bundar**	**Tak bundar**	**Bundar**
Sempit	i	y	ɯ	u
Tengah	e	ø		o
Luas	(a)		ɑ	

Vokal /a/ hanya wujud dalam kata pinjaman bahasa Farsi atau apabila vokal diikuti vokal depan dalam satu perkataan, seperti /ajdøʃ/ "cerun" berbanding /ɑjdøʃ/.[3] Bahasa ini juga menampilkan vokal panjang. Kadangkala, perbezaan panjang vokal boleh membentuk perkataan dengan makna yang amat berlainan seperti perkataan *caam* "jam (jangka masa)" dan *cam* "menjual". Vokal panjang boleh terbentuk daripada vokal /ɑ/, /e/, /o/, /u/, /y/, /ø/ dan /i/.[4]

Konsonan-konsonan bahasa Kyrgyz[5]

		Dwibibir	Gigi/ gusi	Belakang gusi	Dorsal
Sengau		m	n		ŋ
Letupan	**Tak bersuara**	p	t̪		k
	Bersuara	b	d̪		g
Letusan	**Tak bersuara**		(t͡s)	t͡ʃ	
	Bersuara			d͡ʒ	
Geseran	**Tak bersuara**	(f)	s̪	ʃ	(x)
	Bersuara	(v)	z̪		
Aproksiman			l		j
Getaran			r		

Vokal-vokal /f, v, t͡s, x/ hanya wujud dalam kata-kata pinjaman.[2]

Tatabahasa

Kata ganti nama

Bahasa ini memiliki lapan patah kata ganti nama seperti berikut:

Tahap		Tunggal		Majmuk	
		Cyril	**Rumi**	**Cyril**	**Rumi**
Pertama		Мен	Men	Биз	Biz
Kedua	Tidak formal	Сен	Sen	Силер	Siler
	Formal	Сиз	Siz	Сиздер	Sizder
Ketiga		Ал	Al	Алар	Alar

Penulisan


Bahasa Kyrgyz biasanya menggunakan tulisan Cyril, di mana semua huruf dalam bahasa Rusia digunakan bersama huruf-huruf ң, ө, dan ү. Tulisan Arab pula digunakan di Xinjiang, China.

Rujukan

1. "Kyrgyz" (https://www.ethnologue.com/18/language/kir/). *Ethnologue* (dalam bahasa Inggeris) (ed. ke-15). Dicapai pada 6 Disember 2018.
2. Kara (2003:10)
3. Washington (2007:11)
4. http://journals.tsu.ru/uploads/import/1320/files/17.pdf
5. Kara (2003:11)

Pautan luar

- Media berkenaan Bahasa Kyrgyz di Wikimedia Commons
- Tentang Bahasa Kyrgyz (http://www.lmp.ucla.edu/Profile.aspx?LangID=62&menu=004)
- Penukar transliterasi Cyril-Rumi untuk bahasa Kyrgyz (http://translit.kerben.org/)



Wikipedia ***Bahasa Kyrgyz***, ensiklopedia bebas

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa-bahasa_Turkik&action=edit)

Bahasa-bahasa Turkik

Bentuk awal	Proto-Turkik		
Turkik Am	**Arghu**	Khalaj	
	Karluk	Äynu[1] · *Chagatai* · Ili Turki · Lop · Uighur · Uzbek	
	Kipchak	**Pont-Kaspia**	Karachai-Balkar · Karaim · *Kipchak* · Krimchak · *Kuman* · Kumyk · Tatar Krimea · Urum[2]
		Aral-Kaspia	Karakalpak · Kazakh · *Kipchak Ferghana* · Kyrgyz · Nogai · Tatar Siberia
		Ural-Kaspia	Bashkir · Tatar · *Tatar Kuno*
	Oghuz	Afshar · Azeri · *Turki Krimea* · Gagauz · *Pecheneg*[2] · Qashqai · Salar · Turki · Turki Khorasan · *Turki Kuno Anatolia* · *Turki Uthmaniyah* · Turkmen · Urum[2]	
	Siberia	Altai · Chulym · Dolgan · Kyrgyz Fuyu · Khakas · Shor · Tofa · *Turkik Kuno* · *Uighur Kuno* · Tuva · Yakut (Sakha) · Yugur Barat[2]	
Oghur	*Bulgar* · Chuvash · *Khazar*		

Nama yang ditulis *condong* menandakan bahasa tersebut sudah pupus.

1 Bahasa campuran. · 2 Pengelasan dipertikai.

Kawalan kewibawaan	NDL: 00565980 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00565980)